

**Dunia Botani: Seri gading, kemuning berbau wangi**  
Oleh Ismail Saidin



**Mudah dibiakkan di tanah subur dan saliran sempurna dengan cara tut**

## SERI GADING

**Nama Botani:** *Nyctanthes arbo-tristis* L.

**Famili:** Oleaceae

**Nama Lain:** Tree of Sadness

Pokok Seri Gading adalah pokok wangian yang sering ditanam di kampung dan taman persendirian kerana bunganya berbau wangi. Bunganya digunakan sebagai pencilup kain batik dan sutera bagi mendapatkan warna kuning limau. Di Thailand, pokok ini banyak ditanam untuk tujuan pencilup sutera.

Berasal dari selatan India, masyarakat Hindu dikatakan memperkenalkan pokok ini di Malaysia. Oleh sebab pokok ini dianggap suci bagi orang Hindu, pokok ini sering ditemui di persekitaran kuil.

Oleh sebab pokok ini sudah meresap ke dalam seni dan budaya Melayu dan amat disyorkan ditanam sebagai elemen dalam reka bentuk senitaman atau bustan Melayu.

Pokok Seri Gading renek atau pokok kecil, mencapai ketinggian 4 hingga 5 meter. Batangnya menggerutu sedikit, berdahan banyak, membentuk jemala yang terbuka. Dahan dan rantingnya bersegi empat dan hujungnya melampai. Daunnya ovat, berukuran 5 hingga 7.5 sm panjang, 2.5 hingga 3.7 sm lebar, kesat, tepinya bergerigi dan berwarna hijau tua. Bunganya kira-kira 1.5 sm diameter, berwarna putih dan corongnya 8 mm panjang, berwarna kuning kunyit dan berbau wangi. Bunga ini kembang di waktu malam dan gugur di waktu pagi tapi di Malaysia, pokok ini jarang ditemui berbuah.

Pokok ini mudah dibiakkan dengan cara tut. Penanamannya memerlukan tanah yang subur dan bersaliran baik. Sebagai tanaman hiasan pokok ini amat sesuai ditanam bagi mendapat keharuman sesebuah taman. Penanamannya disyorkan secara berkelompok, sama ada sebagai pepohon monopodial atau simpodial dengan jarak penanaman 3 hingga 4 meter. Ia boleh juga ditanam sebagai syrab rimbunan.

Pokok Seri Gading tidak memerlukan penjagaan rapi, kecuali cantasan selepas berbunga dengan membuang pucuk air bertujuan mengekalkan bentuk pokok. Pembajaan adalah dengan baja sebatian kompleks formula 12:12:17:2 dan 15:15:15. Pembajaan dengan baja organik seperti najis lembu atau ayam dan kompos sangat disyorkan. Pokok ini jarang diserang oleh serangga atau penyakit.

## KEMUNING

**Nama Botani:** *Murraya paniculata* (L.) Jack

**Sinonim:** *Murraya exotica* Linn.

**Nama Lain:** Kemuning lada

Syrab berasal dari Malaysia yang biasanya tumbuh liar di utara dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Pokok ini jarang lagi terdapat tumbuh liar di hutan kerana ditebang untuk mengambil kayunya yang sangat cantik untuk dibuat hulu dan sarung keris.

Pokok kemuning sering ditanam di kampung atau di taman persendirian kerana bunganya berbau wangi. Di taman awam, kemuning tidak begitu popular kerana pokoknya lambat membesar dan bunganya juga tidak begitu lebat.

Pokok kemuning adalah syrab atau pokok kecil mencapai ketinggian sehingga 5 meter. Batangnya berwarna kelabu asap dan menggerutu sedikit. Daunnya majmuk pinat 7 hingga 14 sentimeter (sm) panjang, terdiri daripada 2 hingga 3 pasang anak daun dan satu anak daun terminal. Anak daun ini berbentuk elips lebar atau obovat dan tipnya bundar atau kadang-kadang lekuk, berukuran 5 hingga 6.5 sm panjang, 2.5 hingga 3.5 sm lebar, berwarna hijau tua.

Anak daun terminal lebih besar daripada yang lain. Bunganya sekuntum atau beberapa kuntum dalam jambak di hujung ranting, berwarna putih dan berbau wangi. Buahnya elipsoid, berwarna hijau bertukar merah tua apabila masak dan mengandungi 1 hingga 2 biji diselaputi lum nipis berlendir, berwarna kekuningan.

Pokok kemuning mudah dibiakkan dengan cara tut atau menyemai biji benih. Penanamannya memerlukan tanah subur dan bersaliran baik. Sesuai untuk di tanam sebagai elemen taman wangian atau bustan Melayu. Kebiasaannya pokok kemuning ditanam sebagai syrab rimbunan. Sebaiknya pokok ini ditanam sebagai pokok kecil berbatang lurus dan ditanam secara kelompok di satu sudut taman. Pokok kemuning juga amat sesuai ditanam sebagai pagar hias yang rapat dan menarik. Selain itu, kemuning juga amat sesuai ditanam di dalam pasu dan semasa berbunga boleh menyemarakkan haruman sekitar taman

Pokok kemuning tidak memerlukan jagaan rapi, kecuali cantasan bagi mengekalkan bentuk pokok dan cantasan penggalak bunga perlu dilakukan. Pembajaan dengan baja sebatian kompleks, seperti formula 12:12:17:2 + TE atau 15:15:15: adalah disyorkan. Baja organik seperti najis ayam atau lembu yang cukup reput disyorkan sebagai tambahan bagi mengekalkan imbalan kesuburan tanah.